

PENCALONAN ANUGERAH SUKAN S'PURA

Tiada kejutan... Schooling pilihan kuat

Juara dunia silat
Sheik Farhan turut
dinamakan bagi anugerah
Atlit Pelajar Lelaki Terbaik

TIADA kejutan apabila Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC) mengumumkan pencalonan bagi anugerah sukan tertinggi negara semalam.

Jaguh renang Joseph Schooling yang melalui tahun 2015 yang menakjubkan – termasuk menggondol sembilan pingat emas di Sukan SEA yang berlangsung di tanah air tahun lalu – menjadi pilihan utama untuk memenangi Anugerah Olahragawan Terbaik Negara buat tahun kedua berturut-turut dan ketiga baginya selepas turut diiktiraf hadiah itu buat kali pertama pada 2012.

Tiga lagi pencalonan bagi anugerah utama itu ialah Colin Cheng Xinru (kapal layar), Gao Ning (tenis meja) dan Mervyn Toh Yingjie (kanu).

Pencalonan bagi Anugerah Olahragawati Terbaik turut mengemukakan persaingan empat penjujur dengan srikandi menembak Jasmine Ser turut memburu anugerah keduanya berturut-turut. Tiga pesaingnya ialah Shayna Ng (bowling), Feng Tianwei (tenis meja) dan Stephenie Chen (kanu).

Pesilat muda yang mencatatkan pencapaian sensasi ditabal juara dunia awal tahun lalu, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, turut bersaing bagi Anugerah Atlit Pelajar Lelaki Terbaik – bersama-sama Bernie Chin (kapal layar), Quah Zheng Wen (renang) dan Adalia Jesse Colin (wushu).

Anugerah Atlit Pelajar Perempuan Terbaik turut menyaksikan persaingan empat penjujur – Jodie Lai (kapal layar), Lin Ye (tenis meja), Joey Yeo Ruoqi (bowling) dan Shanti Veronica Pereira (atletik).

Kesemuanya, 11 anugerah – termasuk bagi Jurulatih Terbaik dan Pasukan Terbaik – akan disampaikan di majlis anjuran SNOC dan Sport Singapore (SportSG), dengan disokong Tote Board.

Jawatankuasa Pemilihan bagi anugerah utama dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga yang juga Presiden SNOC, Encik Tan Chuan-Jin, manakala Naib Presiden SNOC, Dr Tan Eng Liang, mengetuai jawatankuasa bagi Anugerah Atlit Pelajar.

Pencapaian hebat Schooling sepanjang tahun lalu tentunya meletakkan beliau se-



MENYERLAH: Perenang handalan Joseph Schooling (*atas*) antara calon bagi Anugerah Olahragawan Terbaik, manakala Sheik Farhan (*kiri*) akan bersaing buat pertama kali untuk Anugerah Atlit Pelajar Lelaki Terbaik. – Foto-foto fail

bagai pilihan kuat untuk mencatatkan kemenangan hatrik – selain cemerlang di Sukan SEA, mahasiswa Universiti Texas berusia 20 tahun itu juga muncul sebagai perenang pertama Singapura untuk menang pingat di peringkat Kejohanan Dunia.

Schooling menang gangsa perlumbaan 100 meter gaya kupu-kupu di pertandingan yang berlangsung di Kazan, Russia, itu

Tumpuannya kini ialah memenangi pingat pertama Singapura di kolam renang Sukan Olimpik Rio pada Ogos ini nanti.